

PANDUAN SOLAT HARI RAYA DI RUMAH DAN KEDIAMAN

PENGERTIAN

Hari Raya (العيد) diambil dari “الْعُود” bererti kembali kerana berulang-ulangnya setiap tahun. Dan dikatakan kerana banyak manfaat dari Allah Taala padanya ke atas hamba-hambanya. Juga dikatakan kerana kembali kegembiraan dengan kembalinya.

Kalimah jamaknya adalah “أَعِياد”. Digunakan huruf ya sekalipun asalnya wau kerana lazimnya pada kalimah mufrad. Juga dikatakan untuk membezakan di antaranya dan kalimah “أَعْوَاد الْخَشْب” iaitu ranting kayu.

DALIL

Dalil bagi sembahyang dua hari raya adalah firman Allah Taala dalam Surah al-Kauthar:

فَصَلِّ لِرَبِّكَ وَأَنْحِرْ ﴿٢﴾

Maksudnya : “maka sembahlah kerana Tuhanmu dan sembelihlah”.

Dikehendaki dengannya adalah sembahyang Hari Raya Aidiladha dan sembelihan korban. Hari raya pertama yang Rasulullah SAW bersembahyang adalah Hari Raya Aidilfitri pada tahun kedua hijrah.

Nabi SAW bersabda kepada seorang yang bertanya tentang sembahyang: lima sembahyang yang Allah tetapkan atas hamba-hambanya. Kata orang itu kepada baginda : adakah atasku selainnya? Kata baginda : tidak, melainkan kamu melakukan yang sunat.

Dikira muakkad kerana baginda SAW sentiasa mengekali melakukannya sepanjang hayat.

HUKUM PELAKSANAAN

Hukum Solat Dua Hari Raya, iaitu Hari Raya Aidilfitri dan Aidiladha adalah **Sunat Muakkad** (sunat yang amat dituntut). Ianya disunatkan samada secara berjemaah ataupun bagi orang yang bersendirian, bermukim atau bermastautin.

PERSIAPAN SEBELUM SOLAT

1. Disunat mandi kerana dua raya sekalipun dia tidak mahu hadhir sembahyangnya kerana ia hari berhias.
2. Sunat makan sebelum menunaikan sembahyang.
3. Yang lebih utama adalah tamar dan dengan bilangan ganjil.
4. Tidak makruh sembahyang sunat sebelumnya selepas naik matahari.
5. Dan Sunat menghidupkan malam raya dengan ibadat. Terhasil demikian itu dengan menghidupkan sebahagian besar malamnya.

WAKTU PELAKSANAAN

Waktu pelaksanaan sholat Hari Raya adalah di antara terbitnya matahari dan tergelincirnya pada hari raya tersebut.

TAKBIR

Takbir Dua Hari Raya terbahagi kepada dua bahagian :

- a. Takbir Mursal iaitu takbir yang tidak dilaksanakan selepas solat
- b. Takbir Muqayyad iaitu takbir yang dilakukan setelah selesai solat

Takbir adalah disunatkan bagi lelaki dan wanita samada musafir atau mastautin. Sunat bertakbir di rumah-rumah atau di jalan-jalan atau di masjid-masjid, di pasar-pasar dan di kawasan lapang dan terbuka.

Takbir Mursal disunatkan mulai dari terbenamnya matahari malam sebelum hari raya dan berterusan sehingga imam masuk untuk melaksanakan solat hari raya.

Takbir Muqayyad disunatkan sejurus selepas melaksanakan solat-solat fardhu samada tunai dan qadha'. Begitu juga setelah Solat Sunat Rawatib, Solat Sunat Mutlak dan Solat Jenazah.

PANDUAN SOLAT HARI RAYA AIDILFITRI DALAM TEMPOH PKP

Berikut adalah kaedah solat Hari Raya Aidilfitri dalam tempoh PKP:

1. Solat sunat hari raya hendaklah dilaksanakan di rumah masing-masing;
2. Solat sunat hari raya boleh dilaksanakan tanpa atau dengan khutbah mengikut kemampuan dan kesesuaian;
3. Hanya dibenarkan berjemaah dalam kalangan ahli keluarga dalam rumah tersebut sahaja;
4. Ahli keluarga yang baru sembuh dari COVID-19 dan yang diarahkan untuk kuarantin di rumah tidak dibenarkan menyertai solat sunat secara berjemaah;
5. Walau bagaimanapun, kedua-dua individu dalam kategori tersebut boleh melaksanakan solat sunat hari raya secara bersendirian;
6. Pesakit dan petugas di hospital dibenarkan melaksanakan solat sunat hari raya tertakluk kepada peraturan dan arahan yang ditetapkan oleh pihak KKM;
7. Bagi petugas yang diamanahkan bertugas di surau/masjid, mereka boleh melaksanakan solat sunat hari raya tertakluk kepada pekeliling dan arahan yang ditetapkan oleh Pihak Berkuasa Agama Negeri.

KAEDAH PELAKSANAAN SOLAT AIDILFITRI

1. Solat dilaksanakan sebanyak dua rakaat.
2. Lafaz niat bagi yang mengerjakan solat sunat Aidilfitri secara berjemaah:

أُصْلِيْ سَنَةً عَيْنِدِ الْفِطْرِ رَكْعَيْنِ إِمَامًا / مَأْمُومًا لِلَّهِ تَعَالَى

Maksudnya: "Sahajaku sembahyang Sunat Hari Raya Aidilfitri dua rakaat sebagai imam / mengikut imam kerana Allah Taala."

Lafaz niat bagi yang mengerjakan solat sunat Aidilfitri secara bersendirian:

أَصْلِي شَهْرَ عِنْدِ النِّطْرِ رَكْعَتَيْنِ إِمَامًا / مَأْمُومًا لِلَّهِ تَعَالَى

Maksudnya: "Sahajaku sembahyang Sunat Hari Raya Aidilfitri dua rakaat sebagai imam / mengikut imam kerana Allah Taala."

3. Hukum pada rukun-rukun, syarat-syarat dan sunat-sunat seperti sembahyang-sebahyang yang lain.
4. Solat dimulakan dengan Takbiratul Ihram dengan niat sembahyang Hari Raya Aidilfitri atau Aidiladha.
5. Pada rakaat pertama hendaklah membaca doa iftitah lalu diikuti dengan 7 kali takbir (selain takbiratul ihram), sebelum membaca ta'awwuz (أَعُوذُ بِاللَّهِ مِنَ الشَّيْطَانِ الرَّجِيمِ).
6. Lafaz bagi doa Iftitah adalah seperti berikut :

اللَّهُ أَكْبَرُ كَبِيرًا وَالْحَمْدُ لِلَّهِ كَثِيرًا وَسُبْحَانَ اللَّهِ بَكْرَةً وَأَصِيلًا وَجَهْنَمْ وَجْهَنَّمَ لِلَّذِي فَطَرَ
السَّمَاوَاتِ وَالْأَرْضَ حَنِيقًا مُسْلِمًا وَمَا أَنَا مِنَ الْمُشْرِكِينَ إِنَّ صَلَاتِي وَشَكِي وَمَحْيَايَ
وَمَمَاتِي لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ لَا شَرِيكَ لَهُ وَبِذَلِكَ أُمِرْتُ وَأَنَا مِنَ الْمُسْلِمِينَ.

7. Di antara dua takbir disunatkan berzikir dengan lafaz :

سُبْحَانَ اللَّهِ وَالْحَمْدُ لِلَّهِ وَلَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَاللَّهُ أَكْبَرُ

8. Sunat dia menyaringkan suara dan mengangkat dua tangannya pada setiap kali takbir.

9. Selepas takbir ketujuh hendaklah membaca ta'awwuz (أَعُوذُ بِاللّٰهِ مِنْ) lalu membaca Fatihah seperti sembahyang-sebahyang lain.
10. Sunat meletakkan tangan kanannya di atas tangan kiri di bawah dada, di antara setiap dua takbir.

SURAH

11. Sunat membaca selepas fatihah pada rakaat pertama surah Qaf (ق وَأَنْقَرْعَانِ الْمَجِيدِ ﴿١﴾) dan pada rakaat yang kedua surah al-Qamar (سَيِّحُ أَسْمَرَ رِبِّكَ الْأَعْلَى ﴿١﴾) atau al-A'laa (أَقْرَبَتِ الْسَّاعَةُ وَأُنْشَقَ الْقَمَرُ ﴿١﴾) pada rakaat yang pertama dan al-Ghasyiah (هَلْ أَتَكَ حَدِيثُ الْغَشِيشَةِ ﴿١﴾) pada rakaat yang kedua dengan nyaring kerana ittiba' (mengikut sunnah Rasulullah SAW).
12. Jika tidak mampu membaca surah tersebut maka bolehlah membaca apa sahaja surah atau ayat yang mudah padanya untuk dibaca.
13. Selepas membaca surah hendaklah rukuk, sujud, duduk antara dua sujud, sujud kedua dan berdiri untuk rakaat kedua.

RAKAAT KEDUA

14. Setelah bangun untuk rakaat kedua hendaklah bertakbir sebanyak 5 kali takbir sama sebagaimana rakaat pertama.
15. Setelah bertakbir sebanyak 5 kali dan berzikir di antara dua takbir sebagaimana pada rakaat pertama hendaklah membaca taawwuz, membaca al-Fatihah dan membaca surah.
16. Selepas membaca surau hendaklah rukuk, i'tidal, sujud, duduk antara dua sujud dan sujud kedua.

17. Selepas itu hendaklah Tahiyyatul Akhir dan memberi salam.

DUA KHUTBAH

18. Selepas memberi salam disunatkan berkhutbah dengan dua khutbah bagi jemaah tidak bagi yang sembahyang bersendirian.
19. Dua khutbah ini sama seperti dua khutbah Jumaat pada rukun-rukun dan sunat-sunatnya tetapi tidak sama pada syarat-syaratnya.
20. Sunat dia bertakbir pada pembukaan khutbah pertama sebanyak 9 kali dan bertakbir pada pembukaan khutbah yang kedua sebanyak 7 kali secara berturut-turut dan menyebutnya satu persatu.

* SIGHAH LAFAZ TAKBIR MUQAYYAD DAN TAKBIR MURSAL

الله أَكْبَرُ اللَّهُ أَكْبَرُ، لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَاللَّهُ أَكْبَرُ، اللَّهُ أَكْبَرُ وَلَلَّهُ الْحَمْدُ -
الله أَكْبَرُ كَيْرًا، وَالْحَمْدُ لِلَّهِ كَيْرًا، وَسُبْحَانَ اللَّهِ بَكْرَةً وَأَصِيلًا، لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَلَا نَعْبُدُ إِلَّا إِيمَانًا
مُخْلِصِينَ لِهِ الدِّينَ، وَلَوْ كَرِهُ الْكَافِرُونَ، لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ، صَدَقَ وَعْدُهُ، وَنَصَرَ عَبْدَهُ، وَأَعْزَزَ جَنْدَهُ
وَهَزَمَ الْأَخْرَابَ وَحْدَهُ، لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَاللَّهُ أَكْبَرُ، اللَّهُ أَكْبَرُ وَلَلَّهُ الْحَمْدُ.

* Lafaz takbir hari raya ini berakhir sebelum solat sunat hari raya dilaksanakan.

Disediakan oleh :
Bahagian Fatwa
Jabatan Mufti Negeri Perak

* Sekiranya timbul masalah seperti dalam isu terlupa melaksanakan takbir selepas Takbiratul Ihram atau ketika berdiri dari rakaat kedua, maka hendaklah dilakukan Langkah-langkah seperti yang berikut:

- i. Kalau dia syak pada bilangan takbir maka hendaklah dianggap yang sedikit sepertimana syak pada bilangan rakaat.
- ii. Takbir ini daripada sunat-sunat hai'ah sama seperti ta'awwuz serta doa iftitah, makai a bukan fardu dan bukan sunat ab'ad.
- iii. Maka, dia tidak perlu sujud sahwai kerana meninggalkannya, sekalipun meninggalkan semuanya atau sebahagiannya walaupun makruh.
- iv. Kalua dia teringatkannya semula selepas ta'awwuz (أَعُوذُ بِاللَّهِ مِنَ الشَّيْطَانِ الرَّجِيمِ) dan belum membaca fatihah, dia boleh bertakbir dan membaca ta'awwuz semula selepas habis bertakbir.

Bilakah waktu solat sunat idilfifti
pada 1 Syawal 1441 H
boleh mula dilaksanakan?

Umumnya solat sunat idilfifti pada 1 Syawal 1441 H boleh mula dilaksanakan ketika Matahari terbit hingga gelincir matahari. Namun para ulama menyatakan yang terlebih afdhal ialah ketika matahari meninggi dengan kadar sepenggalah. Dalam hisab falak tempoh matahari tinggi sepenggalah ialah lebih kurang 30 minit selepas terbit matahari (syuruk).

Contohnya :

“
Waktu Matahari Terbit : 7.00 pagi
Ditambah 30 minit
Waktu Solat Idilfitri 7.30 pagi ”

Merujuk hebahan oleh pihak JAIPk berkaitan kaedah solat sunat Idilfitri dalam tempoh PKPB, semua masjid dan surau disarankan untuk melaksanakan solat Idilfitri pada jam 9.00 pagi. Maka bagi mereka yang melaksanakan solat sunat Idilfitri di rumah juga boleh melaksanakannya pada jam 9.00 pagi kerana waktu solat sunat Idilfitri telah pun masuk.